Janganlah kamu membenarkan Ahli Kitab dan jangan pula mendustakan mereka, dan katakanlah: {Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami}

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Ahli Kitab biasa membaca Taurat dalam bahasa Ibrani, dan mentafsirkannya dalam bahasa Arab untuk orang Islam, lalu Rasulullah ﷺ bersabda: “Janganlah kamu membenarkan Ahli Kitab dan jangan pula mendustakan mereka, dan katakanlah: {Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami} [Al-Baqarah: 136] ayat tersebut.”

[صحيح] [رواه البخاري]

Nabi ﷺ mengingatkan umatnya agar tidak terpedaya dengan riwayat yang disampaikan oleh Ahli Kitab dari kitab-kitab mereka. Pada zaman Nabi ﷺ, kaum Yahudi lazimnya membaca kitab Taurat dalam bahasa Ibrani, iaitu bahasa kaum Yahudi, dan menafsirkannya dalam bahasa Arab, Maka Baginda ﷺ bersabda: “Janganlah kamu mempercayai Ahli Kitab dan jangan pula mendustakan mereka, dan ini adalah dalam perkara yang tidak diketahui benar atau dustanya.” Hal ini kerana Allah SWT memerintahkan kita untuk beriman dengan al-Quran yang diturunkan kepada kita, dan kitab yang diturunkan kepada mereka. Akan tetapi, tiada jalan bagi kita untuk membezakan antara yang benar dengan yang salah daripada apa yang mereka riwayatkan tentang kitab-kitab tersebut, jika tidak terdapat dalam syariat kita sesuatu yang menjelaskan kebenarannya daripada kepalsuannya, Maka kita mengambil sikap berkecuali; kita tidak membenarkan mereka agar tidak bersubahat dalam penyelewengan mereka, dan kita juga tidak mendustakan mereka kerana berkemungkinan ia adalah benar, lalu kita akan mengingkari perkara yang kita diperintahkan untuk beriman dengannya. Nabi ﷺ memerintahkan supaya kita berkata: "Kami beriman kepada Allah, kepada apa yang diturunkan kepada kami, kepada apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishak, Yaakub, dan keturunan mereka, kepada apa yang diberikan kepada Musa dan Isa, serta kepada apa yang diberikan kepada para nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membezakan antara seorang pun dari mereka, dan kami hanya berserah diri kepada-Nya." (Surah al-Baqarah: 136).

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/65046